**Perubahan nutrien mengikut kedalaman di muara-muara sungai dan luar pantai, perairan Pantai Barat, Sabah**

**Abstract**

Kajian dilakukan di 17 muara sungai dan 16 kawasan luar pantai (1-3 kilometer daripada muara) di perairan Pantai Barat, Sabah. Tujuan kajian adalah untuk mengetahui kepekatan NH4-N, NO3-N, PO4-P, JF-F, SiO2-Si dan JNI-N serta untuk mengetahui perubahan kepekatan nutrient mengikut kedalman (permukaan, pertengahan dan dasar). Keputusan mendapati kepekatan nutrient di kawasan kajian adalah rendah dan tiada perbezaan mengikut kedalaman kecuali untuk JF-F (ANOVA Sehala). Ini menunjukkan bahawa kawasan kajian (muara dan luar pantai) adalah kawasan dinamik di mana nutrient adalah terbaur di dalam turus air. Kepekatan JF-F yang berbeza mengikut kedalaman adalah berkemungkinan disebabkan oleh aktiviti mikrob di dalam sedimen kerana min kepekatan di permukaan dan pertengahan adalah lebih rendah berbanding di dasar.